

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (TENGAH)

TARIKH: 27 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 46

■ 104 pusat tahfiz, sekolah pondok gagal patuhi piawaian keselamatan

Khairul Azran Hussin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Sebanyak 104 pusat tahfiz dan sekolah pondok di Selangor rata-rata didapati gagal mematuhi piawaian keselamatan ditetapkan.

Kesalahan yang dikesan antaranya sistem pendawaian tidak sempurna, tiada alat pemadam api dan hanya mempunyai satu pintu keluar sekiranya berlaku situasi kecemasan.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri Azmi Osman berkata, hasil pemeriksaan pihaknya sejak minggu lalu



AZMI (dua dari kiri) dan Wan Ramli (tengah) pada Majlis Ikrar Bebas Rasuah JBPM Selangor Bersama SPRM Selangor, semalam.

Hanya ada **satu pintu**

mendapati semua pusat dan sekolah itu masih mempunyai kekurangan serta ciri keselamatan yang perlu ditambah baik.

“Namun, tiada sebarang tindakan penguatkuasaan dikenakan terhadap pengusaha. Kita memberi nasihat dan mengeluarkan laporan

kepada pengusaha supaya segera menambah baik ciri keselamatan.

“Kajian mengenai keadaan keselamatan pusat tahfiz dan sekolah pondok ini perlu di-segerakan demi kebaikan semua pihak. Dalam tempoh sebulan, kita perlu menyelesaikan kajian dan menge-

mukakan laporan lengkap,” katanya pada Majlis Ikrar Bebas Rasuah JBPM Selangor Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, semalam. Bacaan ikrar membabitkan 110 pegawai JBPM negeri itu diketuai oleh Azmi dengan disaksikan Pengarah

SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah.

Kata Azmi, pasukan khas turut ditubuhkan bagi mengesan pusat tahfiz dan sekolah pondok tidak berdaftar di negeri ini untuk menjalani pemeriksaan pematuan aspek piawaian keselamatan.